



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 9/2020

LAYANAN CUKAI KE ATAS PERKHIDMATAN DALAM KUMPULAN A: PENGINAPAN
JADUAL 1 PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 2018 DI BAWAH
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2020 (PRE 2020)

1. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi 2020, terdapat dua pengecualian cukai perkhidmatan bagi penginapan iaitu:
 - 1.1 pengecualian dari membayar cukai perkhidmatan kepada mana-mana orang yang menginap atau memperoleh apa-apa perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh pengendali premis penginapan yang berdaftar cukai perkhidmatan.
 - 1.2 pengendali premis penginapan yang berdaftar cukai perkhidmatan diberi pengecualian dari mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan dan lain-lain perkhidmatan berkaitan yang disediakan di bawah Kumpulan A: Penginapan, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
2. Pengecualian cukai adalah untuk tempoh selama enam (6) bulan bermula dari 1 Mac 2020 sehingga 31 Ogos 2020.
3. Perkhidmatan yang diberikan pengecualian adalah perkhidmatan bercukai yang disenaraikan di ruang 2, Kumpulan A: Penginapan, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 seperti berikut:
 - 3.1 Penyediaan premis penginapan.
 - 3.2 Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
 - 3.3 Pemberian perkhidmatan lain di dalam premis penginapan.

Contoh 1:
Sewaan ruang oleh pengendali penginapan di dalam kawasan premis penginapan adalah perkhidmatan bercukai dan mendapat pengecualian cukai.
 - 3.4 Penyediaan atau penjualan produk tembakau dan minuman beralkohol dan tidak beralkohol.
4. Pemberian perkhidmatan di Para 3 yang dibekal oleh orang selain orang berdaftar di bawah kumpulan A adalah masih tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 2:

Raz Parking merupakan orang berdaftar Cukai Perkhidmatan menjalankan operasi parkir di Hotel FH, perkhidmatan parkir oleh Raz Parking adalah perkhidmatan bercukai dan tidak mendapat pengecualian cukai perkhidmatan.

Contoh 3:

Restoran Al-Aiyub merupakan orang berdaftar Cukai Perkhidmatan yang menjalankan operasi restoran di Hotel FH, penyediaan makananan dan minuman oleh Restoran Al-Aiyub kepada penginap Hotel FH tidak mendapat pengecualian cukai perkhidmatan.

5. TANGGUNGJAWAB PENGENDALI PREMIS PENGINAPAN

- 5.1 Invois masih perlu dikeluarkan dan ruang cukai dinyatakan sebagai “0%” atau “dikecualikan”.
- 5.2 Penyata SST-02 masih perlu dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 5.3 Jumlah perkhidmatan bercukai yang dikecualikan hendaklah diisi di ruangan 18(c) penyata SST-02.
- 5.4 Perkhidmatan bercukai diimport perlu diakaunkan dan dibayar cukai perkhidmatan menggunakan penyata SST-02.
- 5.5 Cukai Pelancongan TTx tidak dikecualikan dan masih perlu dikenakan seperti biasa.

6. ISU TRANSITIONAL

- 6.1 Jika perkhidmatan yang dikecualikan berlaku pada 29 Februari 2020 dan berakhir pada 1 Mac 2020, perkhidmatan itu masih tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
- 6.2 Bagi perkhidmatan yang dikecualikan berlaku pada 31 Ogos 2020 dan berakhir pada 1 September 2020, perkhidmatan tersebut dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.
- 6.3 Walaubagaimanapun, sekiranya perkhidmatan yang dikecualikan berlaku pada 29 Februari dan berakhir pada 3 Mac 2020, maka pengendali premis penginapan perlu membuat pembahagian. Hanya perkhidmatan dalam tempoh yang dikecualikan sahaja yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

6.4 Sekiranya cukai telah dikenakan dan dipungut untuk perkhidmatan yang diberi dari 1 Mac 2020 – 31 Ogos 2020 tetapi masih belum diakaunkan dalam penyata SST-02, pengendali premis penginapan hendaklah mengeluarkan nota kredit kepada pelanggan atas amaun cukai perkhidmatan yang dikenakan.

6.5 Sekiranya cukai telah dikenakan, dipungut dan diakaunkan dalam penyata SST-02 untuk perkhidmatan yang diberi dari 1 Mac 2020 – 31 Ogos 2020, tindakan berikut hendaklah diambil:

a. Untuk pelanggan individu:

Pengendali premis penginapan hendaklah mengembalikan amaun cukai kepada pelanggan dan memohon kelulusan di bawah Seksyen 39 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 untuk membuat pelarasan cukai, tertakluk kepada ketetapan seksyen tersebut.

b. Untuk pelanggan selain individu:

Pengendali premis penginapan hendaklah mengeluarkan nota kredit di bawah Peraturan 11(1) dan membuat pelarasan selaras dengan Peraturan 11(2), Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

6.6 Sekiranya cukai telah dikenakan dan dipungut oleh pengendali premis penginapan dalam tempoh pengecualian seperti para 6.5 di atas dan amaun cukai gagal/tidak dipulangkan kepada pelanggan, pengendali premis penginapan hendaklah mengakaunkan dan membuat bayaran kepada JKDM.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA

RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN

Tarikh Pindaan	Keterangan Pindaan	
4 Mac 2020	Para 5.3	Memotong perkataan “Amaun pengecualian cukai perlu...” dan digantikan dengan perkataan “Jumlah perkhidmatan bercukai yang dikecualikan hendaklah....” Sebelum perkataan “...diisi...”